

Tuah hampas sagu

FOTO: ROSELA IBRAHIM



DR Nazlina menunjukkan bahan dihasilkan yang merangkul pingat emas dan Anugerah Khas dalam Anugerah Inovasi Bio 2015.

Penyelidik UPM proses bahan terbuang ganti pencetak batik

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my
Serdang

Hampas sagu membawa tuah kepada Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Nazlina Shari apabila merangkul pingat emas dan Anugerah Khas pada Anugerah Inovasi Bio 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 5 September lalu.

Inovasi baru itu digelar EcoPaste yang menggantikan lilin paraffin dan bahan kimia lain yang digunakan dalam industri percetakan tekstil di seluruh dunia.

Dr Nazlina menggunakan 100 peratus bahan semula jadi termasuk pewarna tekstil daripada buah-buahan tempatan yang berperanan mengurangkan pencemaran berpunca daripada

pembuangan bahan kimia seperti sisa lilin paraffin dan logam berat selepas proses percetakan tekstil.

Beliau yang juga Ketua Jabatan Rekabentuk Industri UPM menemui formula bagi menjadikan Ecopaste sebagai bahan pekat dalam proses mencetak batik selain bahan penghalang warna dalam pembuatan batik lukis tanpa meninggalkan sisa buangan.

Dr Nazlina mendapat ilham menjalankan penyelidikan itu selepas melihat 60 tan hampas sagu di Mukah, Sarawak dibuang begitu saja di sungai dan kawasan lapang setiap hari sehingga menimbulkan pencemaran alam sekitar.

“Daripada hampas sagu

dibuang begitu saja, mengapa saya tidak fikirkan alternatif mengguna semula bahan itu sekali gus menambah pendapatan penduduk di Mukah yang menjadikan sagu makanan ruji mereka.

“Ciri hampas sagu yang hampir sama dengan lilin paraffin adalah elemen terpenting dalam proses mencipta EcoPaste kerana ia boleh menggantikan penggunaan bahan kimia yang membahayakan kesihatan pekerja dalam bidang percetakan tekstil terutamanya batik lukis,” katanya, di sini, semalam.

Hasil penyelidikan yang dijalankan bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) itu hanya menunggu masa untuk dipasarkan ber-

ikutan penggiat industri dari Korea dan Jepun menempah inovasi berkenaan dalam kuantiti yang banyak untuk menggantikan bahan kimia dalam tekstil yang dihasilkan di negara berkenaan.

“Kami dalam proses serbuan terakhir menjadikan serbuk EcoPaste supaya lebih senang untuk dibawa dan menyasarkan pertengahan tahun depan bagi tujuan pemasaran sepenuhnya.

“EcoPaste bukan saja sesuai digunakan dalam perniagaan tekstil, malah pelajar yang menceburi bidang sama untuk menghasilkan lebih banyak rekaan dengan mudah dan mesra alam,” katanya.

Inovasi itu mampu memulihara alam sekitar malah menjimatkan kos 50 hingga 70 peratus daripada harga bahan kimia yang digunakan sebelum ini.

FAKTA
Penggiat industri tekstil Korea, Jepun buat tempahan